

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH
(Lenggong)**

NO. SOALAN : 48

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status jalan antara Kampung Talong, Kampung Luat Lenggong - Kampung Beng, Lenggong ke Kampung Intan Suraya, Sungai Siput, Perak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Kg. Beng Ke Kg. Raja Intan Suraya, Hulu Perak telah disenaraikan dalam cadangan projek pembangunan untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2016 dan telah diangkat semula kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk kelulusan. Namun begitu, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan perancangan pembinaan Kolej Komuniti Lenggong.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi memperluaskan akses pendidikan dan latihan untuk menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi dan pemikiran masyarakat di negeri Perak, sebuah lagi kolej komuniti akan tubuhkan. **Kolej Komuniti Lenggong dijangka akan beroperasi di Bangunan Majlis Daerah Lenggong pada bulan November 2015.** Pihak Pembangunan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti sedang dalam proses menyewa bangunan tersebut untuk memenuhi keperluan pendidikan komuniti setempat.